

Nama:

Tarikh:

BAHASA MELAYU TAHUN 1

TEMA 3 : PENTINGKAN KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

Unit 8: MENU SIHAT

SP: 1.2.2 Menyampaikan maklumat daripada bahan.

Tajuk: Masakan Ibu

Arahan: Baca dialog di bawah dan lengkapkan maklumat yang diberikan dengan respons yang betul.



Ibu masak apa hari ini?

Ibu telah hidangkan. Lihatlah di atas meja itu.

Ibu masak ikan bakar. Mengapakah ikan ini ibu tidak goreng?

Buah betik pun ada. Apakah sebab kakak suka makan betik?

Kakak suka makan buah betik kerana buah betik sangat berkhasiat.

Ibu tidak menggoreng ikan kerana ikan goreng mengandungi banyak minyak. Minyak tidak baik untuk kesihatan.

Nama:

Tarikh:

Arahan: Dengar petikan di bawah ini. Kemudian, lengkapkan peta dakap yang diberikan mengikut turutan maklumat yang betul berdasarkan teks.

Klik



Murid-murid, bagaimanakah keadaan kamu sekarang? Tentu kamu berasa segar. Apabila kita bersenam, badan kita akan menjadi sihat. Fikiran kita juga akan tenang dan mudah menerima pelajaran. Oleh sebab itu, banyak orang mengatakan bahawa apabila badan kita sihat, otak pun menjadi cerdas. Di samping itu, bersenam merupakan cara yang terbaik untuk mengawal berat badan kita. Dengan itu, kita akan lebih mudah untuk melakukan aktiviti harian. Murid-murid jangan malas bersenam. Cikgu sarankan supaya kamu semua amalkan amalan bersenam selama 30 minit pada setiap hari.



Fikiran tenang dan mudah menerima pelajaran

Mengawal berat badan

Badan menjadi sihat

Mudah melakukan aktiviti harian

Kebaikan
bersenam

-
-
-
-